



KETUA SETIAUSAHA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2533
Faks: 03-8889 5245

Rujukan : KKM.500-5/11/1 (6)

Tarikh : 31 Mac 2016

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
Pengarah-Pengarah Kanan
Setiausaha-Setiausaha Bahagian
Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah-Pengarah Hospital / Institusi

YBhg. Datuk / Dato' / To' Puan / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN KETUA SETIAUSAHA BIL. 3 TAHUN 2016
- PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN DASAR
BERKURSUS TUJUH (7) HARI SETAHUN BAGI ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk / Dato' / To' Puan / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam telah digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 "Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam" (PP6/2005). Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar tersebut telah ditangguhkan seperti arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat Bil. JPA(I)S.175/4/1-1 Klt.22 (38) bertarikh 29 Februari 2016.

3. Menyedari pentingnya kelangsungan pembangunan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam, semua Ketua Jabatan dan Penyelia adalah digalakkan untuk meneruskan pelaksanaan latihan dengan melakukan usaha-usaha seperti berikut:

- (a) mengenalpasti dan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan masing-masing berdasarkan keutamaan dan keperluan latihan;
- (b) menganjurkan kursus secara dalaman atau bersama organisasi lain. Selain itu, tindakan mempelbagaikan pendekatan latihan juga boleh diambil seperti pelaksanaan program mentor-mentee dan sesi perkongsian ilmu;
- (c) laporan prestasi kehadiran latihan dan perbelanjaan peruntukan latihan perlu dikemukakan sebelum/pada 15 hari bulan pada bulan Mac, Jun, September dan Disember kepada Bahagian Pengurusan Latihan, KKM untuk tujuan penyediaan laporan dan pemantauan; dan
- (d) mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 3.3): Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai 11 Mac 2016.

4. Walaupun prestasi dan perbelanjaan peruntukan latihan tidak akan diambil kira sebagai Petunjuk Prestasi Utama semua Ketua Jabatan, YBhg. Datuk / Dato' / To' Puan / Datin / Tuan / Puan dimohon untuk mengambil pendekatan proaktif dalam memastikan aktiviti pembelajaran berterusan diamalkan di organisasi masing-masing. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / To' Puan / Datin / Tuan / Puan dalam menjayakan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATUK DR. CHEN CHAW MIN)